

Saudara-saudara sekalian,

1. Pada malam ini, saya mengajak saudara-saudara, di mana-mana juga saudara-saudara berada di seluruh pelusuk negara kita untuk menjelaskan mengenai SERUAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN, dan

di seluruh PEMANGKU PERDANA MENTERI SEWAKTU

ini saya MELANCARKAN KEMPEN ANTI-SOROK

perbuatan DI TV MALAYSIA PADA HARI RABU,

barang- 27HB FEBRUARI, 1974 JAM 11.30 PAGI.

2. Kempen Anti-Sorok ini bertujuan untuk menegak dan menghapus perbuatan menyorok barang-barang kamisan dan menghukum orang-orang yang terlibat.

3. Barang-barang kamisan yang terasak dalam perkenaan Anti-sorok ini telah beras,

Saudara-saudara sekalian.

1. Pada malam ini, saya menemui saudara-saudara, di mana-mana juga saudara berada di seluruh pelusuk negara kita untuk menjelaskan mengenai kempen Anti-Sorok yang dilancarkan diseluruh negara, pada hari esok. Dalam kempen ini saya mengajak semua rakyat membongkar perbuatan peniaga-peniaga yang menyorokkan barang-barang, semata-mata bagi mendapatkan keuntungan lebih.

2. Kempen Anti-Sorok ini bertujuan untuk mencegah dan menghapus perbuatan menyorok barang-barang kawalan dan menghukum orang-orang yang terlibat.

3. Barang-barang kawalan yang termasuk dalam gerakan Anti-sorok ini ialah beras,

gula, tepung gandum, garam, susu, minyak masak termasuklah minyak kelapa, minyak tanah, baja, simen dan klinker, racun serangga, cuka getah dan besi bar bulat keluli lembut.

4. Sebagaimana saudara-saudara maklum, Kerajaan telahpun mengambil beberapa langkah mencegah perbuatan menyorok barang-barang kawalan itu. Tetapi segala tindakan Kerajaan ini tidak berkesan dan berhasil penuh selagi rakyat belum tampil ke hadapan bersama-sama bertindak dan bergerak. Masalah menentang penyorok-penyorok barang bukanlah semata-mata masalah Kerajaan, tetapi satu tanggungjawab semua rakyat yang miskin dan kaya, orang-orang di kampung dan di bandar.

5. Perbuatan menyorok barang-barang kawalan ini merupakan satu komplot atau pakatan

jahat yang bercorak anti-nasional. Mereka boleh dianggap sebagai melakukan pengkhianatan kepada rakyat dan juga ekonomi negara. Mereka tidak kurang tarafnya seperti musuh negara yang lain.

6. Di sinilah rakyat yang taat setia, rakyat yang menentang perbuatan khidnat ini, rakyat yang merasakan akibat inflasi, dapat memainkan peranan dalam Kempen Anti-Sorok ini, sebagai menjadi "MATA DAN TELINGA KERAJAAN" untuk kepentingan kita bersama.

7. Gerakan Kempen Anti-Sorok ini berpusat di Kementerian Penerangan dengan kerjasama rapat dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian khususnya, dan Kementerian serta Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain, amnya.

8. Dalam hubungan ini, mungkin saudara-saudara akan bertanya apakah peranan saudara dalam Kempen Anti-Serok ini. Apa yang patut dibuat oleh saudara-saudara.

9. Sukalah saya menjelaskan bahawa saudara boleh memainkan peranan dengan memberi maklumat dengan menulis atas kad-kad yang telah disediakan yang boleh didapati dari:-

* Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Wisma Damansara, Kuala Lumpur.

* Pejabat-Pejabat Daerah.

* Balai-Balai Penghulu atau Penggawa.

11. * Pejabat-Pejabat Radio dan Talivisyen Malaysia.

* Pejabat-Pejabat Penerangan, dan

* Unit-Unit Bergerak Jabatan Penerangan.

10. Di dalam kad ini bolehlah diisikan butir-butir mengenai orang-orang yang saudara syak telah melakukan perbuatan menyorok barang-barang kawalan itu. Pada kad itu, terdapat satu bahagian untuk dipotong dan disimpan kerana saudara mungkin mendapat hadiah (reward) terbit dari maklumat yang menghasilkan terampasnya barang-barang yang disorok itu. Hadiah yang diberikan ialah antara \$5.00 hingga \$5,000 atau lebih bergantung pada nilai barang yang dirampas. Kad-kad ini tidak memerlukan setem dan siap tercetak dialamatkan kepada -

Kua Peti Surat 8000,
Kuala Lumpur.

11. Selain daripada kad-kad khas ini, saudara-saudara boleh juga menulis surat sendiri

dan poskan surat itu tanpa setem kepada -

Peti Surat 8000,
Kuala Lumpur.

12. Saudara juga boleh menalipon kepada nombor 22688 Kuala Lumpur, atau melapurkan sendiri kepada -

Pasukan Petugas Khas,
di Bilik Gerakan,

Kementerian Perdagangan dan

Perindustrian,

Wisma Damansara,

Jalan Semantan,

Kuala Lumpur.

13. Segala maklumat dan juga keterangan mengenai pengirim aduan akan dirahsiakan sepertimana amalan-amalan kita di masa lepas.

Saya perlu tegaskan, setiap aduan yang mengandungi sebarang maklumat akan disiasat dan tindakan diambil.

14. Buat sementara, kempen ini adalah untuk barang-barang kawalan seperti yang saya nyatakan tadi. Tetapi Kerajaan akan menimbang untuk menambahkan senarai barang-barang dari masa ke masa.

15. Kempen ini sangatlah mustahak, kerana ia boleh menjamin supaya barang-barang keperluan sentiasa boleh didapati. Dengan Kempen ini juga kita berharap harga dapat distabilkan.

16. Kerajaan mengajak rakyat supaya bersama menentang perbuatan menyorok barang. Kejayaan Kempen ini bergantung pada kerjasama, tindakan dan kegiatan saudara-saudara.

Alat-alat Kerajaan, pegawai-pegawai Kerajaan di semua peringkat adalah sentiasa sanggup membantu dan memberikan panduan.

17. Jayakan Kempen Anti-Sorok ini. Hapusnya penyorokan bererti kurangnya kesulitan kita semua. Menolong Kerajaan bererti saudara-saudara menolong diri sendiri.

Terimakasih.





No Siri	630
No Penerimaan	23 / 84